

'Wau Bule Selamat Sokmo'

Kota Bharu: Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat negeri ini mengenai bahaya bermain wau berdekatan lapangan terbang, Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB), menganjurkan kempen khas mengetengahkan isu itu.

Kempen dikenali 'Wau Bule Selamat Sokmo' itu dilancarkan semalam, anjuran bersama Talisman Malaysia Limited, Hess Malaysia dan Petrofac Malaysia.

Pengurus Operasi Dalam Negeri WASSB Datuk Jamil Osman berkata, dua insiden yang berlaku Mac lalu membabitkan pesawat ringan dan helikopter jatuh gara-gara terbelit tali wau antara sebab utama pihaknya menganjurkan kempen itu.

"Kita harap kempen ini mendapat sambutan sekaligus menyedarkan penduduk betapa bahaya bermain wau dekat lapangan terbang mahupun laluan pesawat ringan serta helikopter.

"Diharapkan juga risiko berlakunya insiden tak diinginkan dapat dikurangkan demi keselamatan pengendali pesawat," katanya pada sidang media, di sini, semalam.